



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Karung Berkunci 1200, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka.
Tel : 06-233 2266 Faks : 06-233 2277
Email : bendahari@utem.edu.my

PEJABAT BENDAHARI

Rujukan Kami (Our Ref.) : **UTeM.03.02/10.12/3/2 (25)**
Rujukan Tuan (Your Ref.) :



7 November 2008
9 Zulkaedah 1429

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 9/2008

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Ayer Keroh, Melaka

Assalamualaikum wrt. wbt.

Y.Bhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PENUTUPAN AKAUN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan kerja-kerja yang perlu diberi perhatian oleh semua Pusat Tanggungjawab di dalam proses penutupan akaun bagi tahun berakhir 31 Disember 2008.
- 1.2 Pekeliling ini selaras dengan keperluan Surat Pekeliling Am JPM Bil. 1 tahun 1995 yang mengkehendaki akaun universiti ditutup pada 31 Disember untuk dilapor segera ke kabinet.

2.0 PERMOHONAN PEMBAYARAN

- 2.1 Tarikh akhir mengemukakan permohonan pembayaran adalah **19 DISEMBER 2008**.
- 2.2 Semua Pusat Tanggungjawab diingatkan supaya mengemukakan permohonan pembayaran yang lengkap termasuk pendaftaran harta tetap/inventori. Bagi permohonan yang tidak lengkap, Pejabat Bendahari akan memproses permohonan tersebut pada tahun 2009.

- 2.3 Pejabat Bendahari akan memproses permohonan pembayaran yang diterima sebelum atau pada tarikh tersebut dengan menggunakan **peruntukan mengurus 2008**. Oleh yang demikian, permohonan yang diterima lewat dari tarikh tersebut akan dibayar dengan menggunakan peruntukan mengurus 2009.

3.0 AKAUN PEMIUTANG 2008

- 3.1 Jika terdapat mana-mana bil tuntutan/invois yang telah disempurnakan bekalan dan perkhidmatannya **pada atau sebelum 31 DISEMBER 2008** tetapi tidak dapat diproses permohonan pembayarannya atas sebab-sebab tertentu, maka bil tuntutan/invois tersebut perlu diakaunkan sebagai **pemiutang 2008**. Pembayaran akaun pemiutang ini akan menggunakan peruntukan mengurus 2008.
- 3.2 Pusat Tanggungjawab perlu mengemukakan senarai bil tuntutan/invois (seperti di lampiran 1) yang mengandungi butir-butir berikut:
- 3.2.1 Nama syarikat/pembekal
 - 3.2.2 Nombor bil tuntutan/invois
 - 3.2.3 Nombor pesanan tempatan/inden
 - 3.2.4 Nombor vot yang dikenakan (sekiranya lebih dari satu vot, sila asingkan)
 - 3.2.5 Tarikh bekalan/perkhidmatan diterima dengan lengkap
 - 3.2.6 Jumlah/amaun bil tuntutan/invois
- 3.3 Sila kemukakan bersama-sama dengan senarai tersebut dokumen asal berikut:
- 3.3.1 Bil tuntutan/invois
 - 3.3.2 Nota hantaran (delivery order)
 - 3.3.3 Pesanan tempatan/inden
- 3.4 Tarikh akhir mengemukakan senarai pemiutang 2008 adalah pada **2 JANUARI 2009**.

4.0 PANJAR WANG RUNCIT

- 4.1 Setiap Pusat Tanggungjawab perlu mengembalikan wang panjar runcit ke Pejabat Bendahari **pada atau sebelum 12 DISEMBER 2008**. Pihak Pusat Tanggungjawab perlu menyerahkan wang tunai yang ada bersama-sama resit-resit yang telah disahkan mengikut peruntukan wang panjar yang diberikan.

5.0 PENDAHULUAN DIRI DAN PELBAGAI

- 5.1 Semua permohonan untuk mendapatkan pendahuluan diri dan pelbagai adalah dibekukan bagi **15 hingga 31 DISEMBER 2008**.
- 5.2 Bagi mana-mana staf yang mempunyai pendahuluan diri atau pelbagai yang belum diselesaikan sehingga tarikh **31 DISEMBER 2008**, perbelanjaan yang dibuat akan dikenakan pada peruntukan 2008.

6.0 KUTIPAN WANG

- 6.1** Bagi staf PTJ yang telah diberi kuasa untuk membuat pungutan wang melalui buku resit/ buku kupon hendaklah menyerahkan buku resit/ buku kupon ke Unit Kewangan dan Terimaan, Pejabat Bendahari sebelum atau pada **26 DISEMBER 2008**.
- 6.2** Bagi staf yang ingin membuat penyelesaian pendahuluan, pinjaman atau lain-lain pembayaran, bayaran hendaklah dibuat sebelum atau pada **26 DISEMBER 2008**.

7.0 PERKARA-PERKARA LAIN

- 7.1** Kerjasama amat diharapkan dari semua Ketua Pusat Tanggungjawab bagi memastikan Pusat Tanggungjawab masing-masing memberi perhatian kepada perkara yang terkandung di dalam pekeliling ini.
- 7.2** Semua perkara yang tersebut di atas perlu sampai ke Pejabat Bendahari pada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan bagi memastikan proses penutupan akaun ini berjalan lancar dan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih dan *Wassalam*.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari
B/p naib Canselor
Pejabat Bendahari

s.k **Y. Bhg. Prof. Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan**
Naib Canselor

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bin Abdullah
Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa

Y. Bhg. Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi

